



TERMS AND CONDITIONS

RHB SMART MOVE BALANCE TRANSFER (BT) PROGRAMME (PLAN 613, PLAN 411, PLAN 615)

1. RHB Bank Berhad (Company No. 6171-M) and RHB Islamic Bank Berhad (Company No. 680329-V) herein will be collectively referred to as "RHB".

PROGRAMME PERIOD

2. The "RHB Smart Move Balance Transfer (BT) Programme" (hereinafter referred to as "Programme") will commence from 1 July 2019 to 31 December 2019, both dates inclusive (hereinafter referred to as "Programme Period").

ELIGIBILITY

3. Principal holders of any credit card/-i(s) issued by RHB (hereinafter referred to as "Cardmember(s)") are invited to apply for a transfer of outstanding balances from any other credit card/-i or charge card Issuer held by the Cardmember(s) (hereinafter referred to as "Other Card Accounts") to any of the RHB's Credit Card/-i Account held in the Cardmember's name (hereinafter referred to as "Balance Transfer"). RHB Supplementary Cards and Business Cards are excluded from this Programme.
4. Cardmember(s) must be the principal holders of Other Card Accounts issued by Malaysia financial institutions and billed in Ringgit Malaysia (RM). An account will not be created for the Cardmember(s) for the purpose of Balance Transfer. The existing credit limit approved for the Cardmember's RHB Credit Card/-i Account will be shared with this Balance Transfer and all other supplementary cards issued. The Balance Transfer Programme is not a credit limit increase and it is only to be used as transferred balances from other card issuers.

PROGRAMME CONDITIONS

5. Under this Programme, the Cardmember(s) are allowed to do Balance Transfer up to a maximum limit of 80%* of the Cardmember(s)'s available RHB Credit Card/-i Account limit subject to minimum Balance Transfer amount of RM1,000.

* The interest/actual management fee and other charges (if any) will be calculated and posted into Cardmember(s) account at the end of statement cycle, therefore all interest/actual management fee and other charges will be added-up with the total credit limit used.

6. RHB shall not be liable to the Cardmember(s) for any wrong transactions credited into Other Card Accounts due to the wrong information disclosed by the eligible Cardmember(s) when applying for the Balance Transfer.
7. Three transfer plans available under the Balance Transfer Installment Plan:
 - **Plan 613** - Interest/actual management fee is chargeable at 4.00% for twelve (12) months payment period.
e.g.: Transferred amount of RM1,000. The monthly installment is computed as $[RM1,000 + (RM1,000 \times 4.00\%)] / 12 \text{ months} = RM86.67$ per month. The payment quantum will be 12 equal monthly installments amount.
 - **Plan 411** - Interest/actual management fee is chargeable at 7.00% for eighteen (18) months payment period.
e.g.: Transferred amount of RM1,000. The monthly installment is computed as $[RM1,000 + (RM1,000 \times 7.00\%)] / 18 \text{ months} = RM59.45$ per month. The payment quantum will be 18 equal monthly installments amount.
 - **Plan 615** - Interest/actual management fee is chargeable at 10.99% for twenty four (24) months payment period.



e.g.: Transferred amount of RM1,000. The monthly installment is computed as $[\text{RM1,000} + (\text{RM1,000} \times 10.99\%)] / 24 \text{ months} = \text{RM46.25}$ per month. The payment quantum will be 24 equal monthly installments amount.

8. Effective rate:-
 - Plan **613** for 12 months payment plan, 7.30% per annum.
 - Plan **411** for 18 months payment plan, 8.67% per annum.
 - Plan **615** for 24 months payment plan, 10.22% per annum.
9. Interest/actual management fee for the plan is charged upfront and monthly installment amount is computed based on the interest/actual management fee amount charged together with the total amount transferred divided by total payment months.
10. All applications are subject to RHB's prior approval and the Terms and Conditions herein. RHB reserves the right to determine the Outstanding Balances allowed to be transferred (hereinafter referred to as "Approved Balance") with prior acceptance of the Cardmember(s).
11. Prior to approval of the BT Installment Plan, the Cardmember(s) shall continue to be liable to make payment to their Other Card Account in accordance with the terms governing the same. The Cardmember(s) shall be directly liable for interest/actual management fee on any overdue payment or any other finance or other charges incurred as a result of the Cardmember(s)'s and/or RHB's failure or delay in making payment before or after RHB's approval of the Cardmember's application for the Balance Transfer.
12. The Approved Balance will reduce the available credit limit of the Cardmember(s) accordingly. An SMS (Short Message System) notification will be sent to the Cardmember(s) advising him/her whether or not his/her application for the BT Installment Plans has been approved. In the event an application is approved, payment to Other Card Accounts will be made in the manner provided herein.
13. Upon approval for the BT Installment Plan application, the Cardmember(s) are deemed to be responsible in servicing the monthly installment amount. The monthly installment amount posted into the Cardmember(s)'s RHB Credit Card/-i account is to be accumulated to the total outstanding balance and subject to the minimum payment of 5% of the total outstanding balance.
14. By servicing the minimum monthly payment of 5% or part of the RHB Card total outstanding balance, the remaining outstanding balance (including BT monthly instalment) will be charged finance charges / actual management fees. This clause shall be read together with Clause 12.1(c) & 12.1(d) of RHB Bank Berhad / Clause 13.1(c) of RHB Islamic Bank Berhad under Fees & Charges in the Credit Card/-i Services of VISA / MasterCard Cardmember(s) Agreement ("Cardholder Agreement").
15. If the Cardmember fails to pay Minimum Monthly Repayment by the Payment Due Date, a late payment charge of 1% of the Card Account on the outstanding balance (retail transactions & cash advances only) or RM10.00, whichever is higher, subject to a maximum of RM100.00 will be imposed and stated in the monthly Statement.
16. In the event Cardmember(s) wants to do an early settlement of the Balance Transfer, the Cardmember(s) will not be charged with any early exit fee. However, the Cardmember(s) will be charged the total amount owed to RHB, which includes the outstanding principal and interest/actual management fee as final payment.
17. Reward Points and Cash Back will not be awarded under this Programme, unless stated otherwise.

GENERAL TERMS AND CONDITIONS

18. RHB reserves the right to add, delete, alter or amend any of these terms and conditions with sufficient prior notice and they shall become effective on such date as RHB may elect to adopt. Such additions or modifications or amendments may be effected by:-
 - displaying the same at the premises of RHB or its' Branch offices or by mailing the aforesaid notice to the Cardmember(s); or



- sending notice of the same by SMS or electronic mail to the Cardmember(s) or by posting the notice of the same on RHB's website.

Such amendments and alterations shall be effective and binding on the Cardmember(s) with effect from the date of the amendments or alterations.

19. Other terms and conditions as stipulated in the RHB Cardholder Agreement shall apply.
20. RHB reserves the right to cancel or suspend the Programme anytime with sufficient prior notice to the Cardmember(s).
21. Cardmember(s) agree that RHB's decision on all matters relating to the Programme shall be final, conclusive and binding against them. The decision is made based on the programme mechanics. If there is any further dispute, please refer to RHB Contact Centre at 03-9206 8118 or the Ombudsman for Financial Services (OFS).

TERMA DAN SYARAT PROGRAM SMART MOVE BALANCE TRANSFER (BT) RHB (PELAN 613, PELAN 411, PELAN 615)

1. RHB Bank Berhad (No. Syarikat 6171-M) dan RHB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat 680329-V) dirujuk secara kolektif sebagai "RHB".

TEMPOH PROGRAM

2. "Program Smart Move Balance Transfer (BT) RHB" ("Program") bermula dari 1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Program").

KELAYAKAN

3. Pemegang utama sebarang kad kredit/-i yang dikeluarkan oleh RHB (selepas ini dirujuk sebagai "Ahli Kad") adalah dipelawa untuk memohon memindahkan baki tertunggak daripada sebarang kad kredit/-i atau kad caj Pengeluar lain yang dipegang oleh Ahli Kad (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Kad Lain") ke sebarang akaun kad kredit/-i RHB atas nama Ahli Kad (Akaun Kad Kredit/-i RHB) (selepas ini dirujuk sebagai "Pemindahan Baki"). Kad Sampingan dan Kad Eksekutif RHB adalah tidak layak untuk Program ini.
4. Ahli Kad mestilah pemegang utama Akaun Kad Lain yang dikeluarkan oleh institusi kewangan Malaysia dan dibil dalam Ringgit Malaysia (RM). Tiada akaun berasingan akan dibuka kepada Ahli Kad bagi tujuan Pemindahan Baki. Jumlah had kredit sedia ada yang telah diluluskan bagi Akaun Kad Kredit/-i RHB Ahli Kad akan dikongsi bersama dengan Pemindahan Baki dan semua kad tambahan yang dikeluarkan. Program Pemindahan Baki ini bukan untuk peningkatan had kredit dan ia hanya digunakan untuk memindahkan baki daripada pengeluar kad yang lain.

SYARAT-SYARAT PROGRAM

5. Di bawah Program ini, Ahli Kad dibenarkan membuat Pemindahan Baki sehingga had maksima sebanyak 80% * daripada had Akaun Kad Kredit/-i RHB Ahli Kad yang sedia ada dan tertakluk kepada jumlah minima Pemindahan Baki sebanyak RM1,000.

* Faedah/yuran pengurusan sebenar dan caj-caj lain (sekiranya ada) akan dikira dan diposkan ke dalam akaun Ahli Kad pada akhir kitaran penyata, maka semua faedah/yuran pengurusan sebenar dan caj-caj lain akan ditambah ke dalam jumlah kredit yang digunakan.

6. RHB tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang dikreditkan ke dalam Akaun Kad Lain yang salah akibat daripada maklumat salah yang diberikan oleh Ahli Kad semasa permohonan Pemindahan Baki.
7. Tiga pelan pemindahan disediakan untuk Pelan Pemindahan Baki Ansuran:
 - **Pelan 613** - Faedah/yuran pengurusan sebenar sebanyak 4.00% dicajkan untuk pembayaran selama dua belas (12) bulan.
Contoh: Amaun Pemindahan Baki sebanyak RM1,000. Pengiraan ansuran bulanan adalah $[RM1,000 + (RM1,000 \times 4.00\%)] / 12 \text{ bulan} = RM86.67$ sebulan. Ansuran pembayaran adalah sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 12 bulan.
 - **Pelan 411** - Faedah/yuran pengurusan sebenar sebanyak 7.00% dicajkan untuk pembayaran selama lapan belas (18) bulan.
Contoh: Amaun Pemindahan Baki sebanyak RM1,000. Pengiraan ansuran bulanan adalah $[RM1,000 + (RM1,000 \times 7.00\%)] / 18 \text{ bulan} = RM59.45$ sebulan. Ansuran pembayaran adalah sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 18 bulan.
 - **Pelan 615** - Faedah/yuran pengurusan sebenar sebanyak 10.99% dicajkan untuk pembayaran selama 24 bulan.



Contoh: Amaun Pemindahan Baki sebanyak RM1,000. Pengiraan ansuran bulanan adalah $[RM1,000 + (RM1,000 \times 10.99\%)] / 24 \text{ bulan} = RM46.25$ sebulan. Ansuran pembayaran adalah sama setiap bulan untuk jangka masa selama 24 bulan.

8. Kadar Efektif:-
 - Pelan **613** untuk pelan pembayaran selama 12 bulan, 7.30% setahun.
 - Pelan **411** untuk pelan pembayaran selama 18 bulan, 8.67% setahun.
 - Pelan **615** untuk pelan pembayaran selama 24 bulan, 10.22% setahun.
9. Faedah/yuran pengurusan sebenar untuk pelan ini akan dicaj terdahulu dan ansuran bulanan adalah berdasarkan amaun faedah/yuran pengurusan sebenar dicaj bersama amaun pindahan dan dibahagi kepada jumlah bulan pembayaran.
10. Kesemua permohonan adalah tertakluk pada kelulusan RHB terlebih dahulu serta Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini. RHB berhak menentukan Baki Tertunggak yang boleh dipindahkan (selepas ini dirujuk sebagai "Baki yang Diluluskan") dengan persetujuan terlebih dahulu Ahli Kad.
11. Sebelum Pelan Pemindahan Baki Ansuran diluluskan, Ahli Kad harus bertanggungjawab membuat pembayaran ke Akaun Kad Lain mengikut terma-terma yang ditentukan. Ahli Kad bertanggungjawab terhadap faedah/ yuran pengurusan sebenar atas sebarang bayaran yang melebihi tempoh; atau sebarang caj kewangan atau caj-caj lain yang ditanggung akibat kegagalan atau kelewatan Ahli Kad dan/atau RHB dalam membuat pembayaran sebelum atau selepas RHB meluluskan permohonan Ahli untuk pemindahan baki.
12. Baki yang diluluskan akan mengurangkan had kredit Ahli Kad yang layak dengan sewajarnya. Notis SMS (Khidmat Pesanan Ringkas) akan dihantar kepada Ahli Kad untuk memaklumkan sama ada permohonan Ahli Kad untuk Pelan Pemindahan Baki Ansuran telah diluluskan. Sekiranya permohonan telah diluluskan, pembayaran untuk Akaun Kad lain akan dibuat mengikut cara yang diperuntukkan di sini.
13. Setelah permohonan Pelan Pemindahan Baki Ansuran diluluskan, Ahli Kad wajib bertanggungjawab untuk memastikan jumlah ansuran bulanan adalah dibayar. Jumlah ansuran bulanan yang dipaparkan dalam akaun kad kredit Ahli Kad akan dicampur dengan jumlah keseluruhan baki tertunggak dan tertakluk kepada pembayaran minima bulanan sebanyak 5% daripada jumlah keseluruhan baki tertunggak.
14. Dengan pembayaran minima 5% atau sebahagian daripada jumlah baki tertunggak Kad RHB, baki selebihnya (termasuk ansuran bulanan Pemindahan Baki) akan dicaj faedah/yuran pengurusan sebenar. Klausula ini harus dibaca sekali dengan Klausula 12.1(c) & 12.1(d) RHB Bank Berhad / Klausula 13.1(c) RHB Islamic Bank di bawah Fi & Caj dalam Perkhidmatan Kad Kredit-i Perjanjian Pemegang Kad VISA / MasterCard ("Perjanjian Ahli Kad").
15. Jika Ahli Kad gagal membayar Bayaran Minima Yang Perlu Dibayar pada Tarikh Matang, caj pembayaran lewat sebanyak 1% ke atas baki belum jelas Akaun Kad (urus niaga runcit & pendahuluan tunai sahaja) atau RM10.00, yang mana lebih tinggi tertakluk kepada maksima RM100.00 akan dikenakan dan dinyatakan di dalam Penyata bulanan.
16. Sekiranya Ahli Kad ingin menjelaskan semua baki tertunggak Pemindahan Baki sebelum tarikh matangnya, Ahli Kad tidak akan dikenakan sebarang penalti. Walau bagaimanapun, Ahli Kad akan dicaj amaun prinsipal Pemindahan Baki yang masih tertunggak termasuk amaun faedah/yuran pengurusan sebenar sebagai bayaran akhir.
17. Mata Ganjaran dan Pulangan Tunai tidak akan diberikan di bawah Program ini, kecuali dinyatakan sebaliknya.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

18. RHB berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah atau meminda terma-terma dan syarat- syarat dengan memberi notis yang mencukupi dan ia akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh RHB. Notis penambahan atau pengubahsuaian atau pindaan akan disalurkan melalui:-



- paparan notis di premis RHBatau di pejabat cawangannya atau menghantar notis tersebut kepada Ahli Kad; atau
- penghantaran notis melalui khidmat pesanan ringkas atau mel elektronik kepada Ahli Kad atau dengan mempamerkan notis yang sama di laman web RHB.

Sebarang pindaan dan gubalan akan berkuatkuasa dan mengikat Ahli Kad daripada tarikh pindaan dan gubalan.

19. Terma-terma & syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Ahli Kad RHB adalah terpakai.
20. RHB berhak untuk membatalkan atau memberhentikan Program ini pada bila-bila masa dengan memberi notis yang mencukupi terdahulu kepada Ahli Kad.
21. Ahli Kad bersetuju bahawa keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program adalah muktamad, konklusif dan mengikat terhadap mereka. Keputusan ini adalah dibuat berdasarkan mekanik program. Untuk penjelasan lebih lanjut, sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Pelanggan RHB di 03-9206 8118 atau Ombudsman for Financial Services (OFS).